

16 JUN 1996
Sanusi-Exco
SANUSI AKAN LAKUKAN PERTUKARAN PORTFOLIO EXCO

ALOR SETAR, 16 Jun (Bernama) -- Menteri Besar Kedah Datuk Seri Sanusi Junid hari ini membayangkan akan berlaku perubahan portfolio dalam barisan lapan anggota Exco kerajaan negeri sekarang.

Sanusi, yang mengadakan persidangan berita di Kompleks RTM Alor Setar selepas muncul secara langsung dalam berita RTM, persidangan berita beliau yang pertama selepas mengangkat sumpah pagi tadi, berkata: "Pertukaran portfolio akan berlaku...bukankah itu sudah dijangkakan."

Beliau berkata pertukaran dilakukan bukan sahaja untuk melicinkan pentadbiran, malahan ia bertujuan menyesuaikan bidang tugas dengan kemampuan anggota Exco itu.

"Semua Exco akan mempunyai portfolio yang memuaskan hati mereka dan mereka dapat menjalankan kerja dengan baik," katanya.

Beliau berkata tugas pertamanya adalah untuk membahagikan tugas para Exco.

Sanusi berkata, mengikut susunan barisan Exco sekarang, setengah daripada projek tertumpu kepada seseorang Exco sahaja.

"Kalau macam itu, seorang sahaja Exco yang buat kerja...Saya hendak bahagikan seorang Exco satu projek dan saya sudah berbincang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai beberapa projek yang hendak dilaksanakan," katanya.

Beliau memberikan contoh cadangannya untuk melaksanakan projek Pusat Pengedaran Daging Korban seperti yang dilaksanakan di Mekah.

Kelancaran pelaksanaan projek itu memerlukan kerjasama antara Exco Agama dan Exco Pertanian, katanya.

Terdapat lapan anggota Exco dalam susunan kerajaan negeri. Mereka ialah Datuk Abdul Rahman Ibrahim yang memegang portfolio Kemudahan Awam, Kerja Raya dan Komunikasi, Datuk Syed Razak Syed Zain (Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Usahawan) dan Syeikh Alias Mustafa (Hal Ehwal Agama).

Lima lagi ialah, Abdul Rahman Ariffin (Pendidikan, Belia dan Pembangunan Sukan), Abdullah Hasnan Kamaruddin (Kerajaan Tempatan dan Penerangan), Abdul Razak Hashim (Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar), Datuk Beh Heng Seong (Perumahan, Perindustrian dan Alam Sekitar) dan V.Saravanan (Kesihatan dan Pembangunan Masyarakat).

Ketika ditanya adakah beliau akan mengekalkan barisan Exco itu, Sanusi berkata beliau akan bertanya dahulu dengan mereka sama ada mereka mahu berkhidmat dengannya.

"Mungkin ada yang tidak mahu berkhidmat dengan saya, kalau tidak mahu berkhidmat macam mana saya hendak lantik...Kalau mahu berkhidmat dengan saya, jadi tak adalah cerita saya tak boleh bekerjasama dengan Exco yang ada sekarang kerana semua dah mahu berkhidmat dengan saya.

"Kedudukan mereka terserah kepada mereka dan bukannya terserah kepada saya...Saya boleh bekerjasama dengan semua orang," katanya.

Mengenai tambahan dua jawatan Exco yang diluluskan Dewan Undangan Negeri baru-baru ini, Sanusi berkata: "Ia akan diisi. Bila hendak diisi...sabarlah, saya boleh tunggu 14 bulan takkanlah mereka tidak boleh tunggu dua atau tiga minggu".

Sanusi juga berkata beliau mahu mewujudkan pentadbiran kerajaan negeri yang berorientasikan rakyat.

Katanya, kerajaan perlu peka kepada perasaan rakyat dan berusaha menyelesaikan masalah yang dihadapi rakyat.

Mengenai tentangan pihak tertentu terhadap pelantikan beliau, seperti

tindakan sekumpulan 22 anggota dewan undangan negeri yang suatu ketika dahulu menolak kepimpinannya, Sanusi berkata tindakan kumpulan itu menunjukkan bahawa mereka adalah berdisiplin.

"Mereka berdisiplin...dahulu mereka sokong Tan Sri Osman Aroff kerana Perdana Menteri lantik, sekarang saya Perdana Menteri lantik, mereka sokong, jadi mereka mempunyai pendirian yang tetap.

"Kalau ada yang masih tidak bersetuju dengan perlantikan saya, saya tidak perlu hukum apa-apa, kalau dia tidak setuju tetapi saya dilantik juga...itu hukuman yang cukup berat baginya, perlantikan saya macam satu hukuman baginya, buat apa gaduh lagi," katanya.

Sanusi berkata beliau tidak mempunyai masa yang panjang dan terpaksa menumpukan perhatian kepada pembangunan negeri Kedah terutama pembangunan ekonomi, politik, mental dan jasad.

-- BERNAMA
MZM MFJ AKD